

23/07/2001

Isyarat lonjakan sudah bermula

Fred Tam

PRESTASI bursa saham tempatan minggu lalu amat membanggakan. Sesuatu yang paling ketara ialah jumlah dagangan tinggi yang terus dicatat oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kebelakangan ini menjadikannya yang paling tinggi sejak 16 bulan lalu. Kali terakhir jumlah dagangan harian mencatat lebih berbanding 709 juta unit seperti pada Khamis lalu ialah pada 10 Mac tahun lalu dengan 754 juta unit saham. Bagaimanapun, ketika itu, pasaran mencatat kejatuhan dan ia sudah tentunya sesuatu yang negatif.

Jumlah dagangan tinggi itu yang digandingkan pula dengan kenaikan harga saham secara menyeluruh ialah satu isyarat kepada kita semula bahawa lonjakan pasaran saham kini sudah bermula. Peniaga saham dan remisier kini sudah kembali membuka kedai mereka.

Angka tunjuk utama pasaran, Indeks Komposit menokok 27.75 mata atau 4.47 peratus untuk ditutup pada 648.78, hanya sedikit di bawah paras rintangan 650 mata. Indeks Emas pula naik 7.84 mata atau 5.31 peratus kepada 155.61 manakala Indeks Papan Kedua menokok 6.42 mata atau 6.06 peratus untuk ditutup pada 112.29.

Sudah tentu ada yang akan mendakwa bahawa kenaikan mendadak sebegini hanya akan mencetuskan satu lagi kekecewaan seperti yang berlaku beberapa kali sebelum ini apabila kenaikan hanya disusuli kejatuhan. Pasaran biasanya merujuk fenomena yang memerangkap itu sebagai gejala "dead-cat-bounce". Pelabur kebelakangan ini sudah seolah-olah ditipu untuk membeli sebanyak sekurang-kurangnya enam kali sejak Morgan Stanley memasukkan kembali BSKL ke dalam indeks dunianya Mei lalu.

Sudah tentu, setiap kali itulah juga mereka kecewa dan rugi. Jadi apabila pasaran melantun semua Mei ini ramai yang tidak begitu yakin. Ini kerana, apabila ia berlaku, pelabur kebanyakan sudah kehabisan modal untuk menyertainya dan keadaan ini sebenarnya amat menyedihkan.

Bagaimanapun, kali ini keadaan kelihatan amat berbeza. Kami akan cuba menerangkan perkara ini dalam rencana kali ini. Secara asasnya, wujud beberapa sebab utama yang menyebabkan pasaran kita naik. Paling utama ialah perpindahan jawatan menteri kewangan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri. Sejak beliau mengambil alih, pasaran nampaknya sudah beralih arah menjadi positif.

Walaupun dalam keadaan yang kurang dramatik berbanding apa yang dilakukan Dr Mahathir pada 1 September 1998, langkah beliau mengambil alih jawatan Menteri Kewangan yang dikosongkan oleh Tun Daim Zainuddin, memberi peluang kepadanya untuk menggariskan hala tuju baru dalam ekonomi negara ke arah memberikan nafas baru mengatasi pelbagai kemelut.

Dengan Dr Mahathir sendiri mengambil "kerusi panas" menteri kewangan, kita kini semakin yakin bahawa ekonomi negara menuju ke arah yang tepat. Mulanya, kita mendengar mengenai kemungkinan beliau mengurangkan cukai korporat dalam belanjawan akan datang. Kemudian, beliau bertindak meyakinkan pengurus dana tempatan dalam satu sesi tertutup di ibu negara minggu lalu.

Lebih kurang pada masa yang sama, pasaran dikejutkan dengan berita penggantungan saham UEM dan Renong disusuli berita yang disambut baik. Pasaran berpendapat, jika kerajaan mengambil alih kepentingan dalam UEM, ia sudah tentu membuktikan komitmen untuk menyelesaikan masalah dan mengeluarkan kembali nilai sebenar kaunter itu.

(END)